



RANCANGAN SELANGOR KEDUA LONJAKAN BAHARU NEGERI KE ARAH 2030

Kerajaan Negeri telah membentangkan Rancangan Selangor Kedua (RS-2) yang berpotensi memberikan lonjakan baharu ke arah tahun 2030 bertemakan Selangor Memimpin Pertumbuhan, Memacu Kemakmuran dan Menerajui ASEAN bagi membina masyarakat berkeyakinan dan boleh hidup secara bermaruah serta selesa di ekonomi paling maju di Malaysia.

Rancangan Selangor Kedua adalah rancangan pembangunan sosioekonomi lima tahun dan merupakan kesinambungan kepada Rancangan Selangor Pertama yang berlangsung dari tahun 2021 – 2025.

Cabaran utama yang melatari Selangor pada hari ini merupakan respon kepada krisis bekalan dunia, pekerjaan bergaji tinggi, menyediakan perumahan mampu milik, menyegarkan peluang ekonomi dalam industri baharu, meningkatkan keberkesanan pengangkutan awam, beradaptasi kepada perubahan iklim, serta membina sistem perkhidmatan kerajaan yang lebih responsif.

Rancangan Selangor Pertama telah memberikan pengalaman yang amat berguna kepada pentadbiran ini.

Daripada 16 indikator yang ditetapkan, Kerajaan Negeri telah melepasi sasaran 9 indikator.

Antaranya, seperti pertumbuhan ekonomi konsisten 7.5% secara purata, pendapatan median isi rumah Selangor sebanyak RM10,726, kadar kemiskinan relatif yang menurun kepada 8.5%, serta mengekalkan keluasan hutan simpan kekal sebanyak 31.7%.

Rancangan Selangor Kedua dibangunkan melalui kerangka 6 misi; 25 bidang tumpuan, merangkumi 98 inisiatif bagi memacu ekonomi, pembangunan daerah seimbang, negeri penyayang dan berdaya huni, modal insan produktif, negeri lestari dan berdaya tahan, serta kerajaan efektif dan mesra rakyat.

Bagi menggerakkan lagi aktiviti ekonomi, Kerajaan Negeri melihat potensi yang amat besar di dalam industri semikonduktor, aeroangkasa, keterjaminan makanan, Pelabuhan Ketiga Pulau Carey, ekonomi digital, serta ekonomi kreatif untuk mengembangkan nilai ekonomi Selangor melepasi RM600 bilion.

Pada masa yang sama, RS-2 berhasrat mewujudkan sekurang-kurangnya 166,200 peluang pekerjaan baharu dapat diwujudkan, meningkatkan pendapatan median isi rumah rakyat Selangor kepada RM14,500 sebulan, mengurangkan kadar pengangguran kepada 2.2%, serta meningkatkan perkhidmatan digital kerajaan kepada 85%.

Bagi merealisasikan keseluruhan RS-2, Kerajaan Negeri menganggarkan sebanyak RM33.31 bilion merangkumi peruntukan Negeri, Persekutuan, anak syarikat, serta penglibatan sektor swasta agar Selangor dapat menjadi Negeri Model bagi menerajui kemajuan ekonomi serta kemampunan di rantau ASEAN.

DATO' SERI AMIRUDIN SHARI
DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
7 Ogos 2026